

26 SEP 1998

RAKYAT PERLU BERTERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

SEREMBAN, 26 Sept (Bernama) -- Rakyat mesti berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menyelamatkan negara daripada dipimpin oleh orang yang tidak bermoral, kata Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Negeri Sembilan dan Persatuan Ibu Tunggal Negeri Sembilan Datuk Siti Rahmah Kassim.

Sekiranya negara dipimpin oleh orang yang tidak bermoral, maka negara akan hancur, katanya kepada Bernama selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perkim Negeri Sembilan di sini hari ini.

"Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita mesti meyakini dan menyokong segala tindakan yang diambil Dr Mahathir berhubung perlucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Siti Rahmah, yang juga bekas anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Terentang, berkata beliau merasa kesal terhadap tindakan penyokong Anwar menimbulkan kekacauan dan merosakkan beberapa barang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Golongan ini perlu mengubah sikap supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan Anwar agar perpaduan orang Melayu terus kukuh, katanya.

-- BERNAMA

AS AKD